

**PEMBELAJARAN AKSES KENDIRI:
SATU PENDEKATAN DALAM MENANGANI MASALAH MEMBACA
DI KALANGAN MURID TAHUN 4**

Oleh

Norhayati binti Abdullah

Sek. Keb. Engkilili No. 2
95800 Engkilili, Sri Aman

Abstrak

Kemahiran membaca penting dan perlu dikuasai oleh setiap murid pada peringkat awal sebelum mereka melangkah ke tahap pembelajaran yang lebih tinggi. Kemahiran membaca mempunyai fungsi yang penting dalam hayat pembelajaran murid-murid. Kegagalan menguasai kemahiran tersebut memberi kesan negatif bukan terhadap satu mata pelajaran malahan keseluruhan. Penyelidikan tindakan ini memaparkan satu kajian yang dilakukan ke atas 28 orang murid Tahun 4 SK Engkilili No. 2 dalam aspek penggunaan membaca dalam Bahasa Melayu. Dapatkan kajian menampakkan kesan yang positif terhadap murid-murid ini untuk menguasai kemahiran membaca. Keberkesanan tindakan ini bersandar kepada pendekatan Pembelajaran Akses Kendiri di mana ianya telah menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam bilik darjah.

PENGENALAN

Kira-kira 32 kilometer dari bandar Sri Aman, di tepi lebuh raya Kuching-Sibu, terletaknya SK Engkilili No. 2, sekolah tempat saya mencurah bakti mendidik anak-anak tempatan selama 2 tahun lebih ini. Dengan bangunan baru yang tersergam indah, sudah pastinya sesiapapun akan merasa bertuah dan bangga menjadi ahli warganya.

Di bawah naungan Guru Besar, 3 orang Penolong Kanan dan 8 orang tenaga pengajar, sekolah ini menempatkan 165 orang murid. Separuh murid di sini menjadi penghuni asrama dan separuh lagi murid harian. Majoriti murid adalah dari rumah panjang yang berdekatan dan anak jati petani.

Pada hari pertama saya melapor diri bertugas kepada pihak pentadbir, saya telah diberitahu bahawa saya akan mengajar Bahasa Melayu Tahun 1. Mungkin disebabkan sudah terlalu lama berkecimpung dalam dunia pengajaran dan pembelajaran (p&p) Tahun 1, saya semacam sudah didaftar dan dicap sebagai guru Tahun 1 walau di mana saya berkhidmat. Tidak dinafikan saya memang merasa serasi dan selesa mengajar kelas Tahun 1, walaupun kadang-kadang timbul juga keinginan merasa suasana pengajaran p&p di kelas-kelas Tahap 2 yang bukan kelas peperiksaan. Berbekal pengalaman suka dan duka selama bebelasan tahun dalam bidang pendidikan, acara ‘pembukaan rasmi (T.1) dan penutup (T.6)’ adalah perkara biasa bagi diri saya. Akan tetapi tahun ini (2005), keinginan saya seolah-olah ditunaikan dan ia merupakan satu titik perubahan dalam arena pendidikan saya. Atas kehendak perkhidmatan, saya telah diberi amanah mengajar Bahasa Melayu Tahun 4, malah menjadi guru kelas itu juga!

KEPRIHATINAN SAYA

Masih segar terbayang di ruang mata suasana kali pertama saya menjelak kaki ke bilik darjah T.4. Pada mulanya, kehadiran saya serba sedikit tidak dihiraukan oleh para murid. Kebanyakan mereka tidak menyedari kehadiranku kerana terlalu asyik berbual atau bermain dengan kawan-kawan setelah sekian lama tidak berjumpa. Suasana yang riuh rendah dengan murid berjalan dan berlari ke sana sini, tak ubah seperti kita berada di pasar tamu pada penghujung minggu. Tergamam seketika dan setelah menghala nafas panjang, saya mencuba menarik perhatian murid dan memtenteram keadaan. Itu pun dengan bantuan dua-tiga orang murid yang lain.

Saya mulakan bicara dengan sesi suaikenal. Walaupun sudah genap dua tahun mengajar di sini, saya kurang kenal dengan murid-murid T.4. Melalui sesi suaikenal tadi, naluri dan pengalaman di T. 1

150

seolah-olah ingin menyampaikan satu mesej bahawa kelas ini mempunyai masalah pembelajaran. Tetapi di mana dan siapa?

Sebagai langkah permulaan, saya telah semak rekod akademik 2004 bagi kelas T. 4 yang bakal saya pimpin. Agak tepat juga tekaan saya kerana rekod akademik 2004 kelas tersebut menunjukkan secara purata hanya seramai 11 orang murid yang lulus dalam semua mata pelajaran teras. Saya amat terkilan melihat keputusan Bahasa Melayu yang tidak begitu menonjol walaupun ianya merupakan teras kepada mata pelajaran lain.

Kali kedua saya masuk kelas T.4 pada hari yang sama ialah untuk kelas Muzik. Dengan peluang yang ada, secara tidak langsung saya membawa murid-murid menyanyi lagu 'ABC' yang memang terkenal dari kalangan murid pra sekolah atau T. 1. Pada mulanya, hampir kesemua murid T. 4 ini senyum atau ketawa apabila mendengar lagu ini. Reaksi mereka menggambarkan lagu ini tidak sesuai untuk mereka lagi. Setelah kami menyanyi lagu ini mengikut rakaman VCD dengan riang gembiranya, saya meminta beberapa orang murid tampil ke hadapan kelas dan menyanyi semula lagu tadi tanpa irungan muzik atau VCD. Kumpulan demi kumpulan murid-murid membuat persembahan nyanyian, akhirnya saya mendapati sebilangan besar murid tidak dapat menyanyi dan menyebut urutan huruf abjad dengan betul.

Setelah beberapa hari bersama murid T. 4 dalam pengajaran Bahasa Melayu, saya mendapati seramai 18 daripada 28 orang murid mempunyai masalah membaca. 4 daripada 18 orang murid ini ingat-ingat dan lupa huruf abjad atau membunyikan suku kata. Apabila ditanya kepada rakan-rakan sekelas, rupa-rupanya mereka masih menghadiri kelas pemulihan atau kelas intervensi yang dijalankan di sekolah. Dengan dapatan ini, saya merumuskan sekira masalah ini dibiarkan, kemungkinan lebih 50% daripada murid kelas ini kekal tidak menguasai kemahiran membaca. Mereka akan tidak berupaya mengikuti proses p&p dalam kelas dan hasilnya Bahasa Melayu bakal menjadi 'perosak' menyusuri Bahasa Inggeris dalam UPSR nanti!

TITIK PERMULAAN PENYELIDIKAN

Pada hari-hari persekolahan yang seterusnya, saya telah mula berdamping dan menemubual beberapa orang murid yang masih mempunyai masalah membaca secara tidak langsung, iaitu semasa mereka bermain-main di gelanggang sekolah pada sebelah petang. Saya lakukan temubual secara tidak langsung kerana mereka mungkin akan berasa malu atau tertekan apabila ditanya secara terbuka di hadapan kawan-kawan, lebih-lebih lagi ini melibatkan pelajaran mereka. Melalui tindakan mendampingi mereka, soalan-soalan yang saya ajukan dijawab tanpa berselindung dan kepura-puraan.

Berikut adalah beberapa contoh jawapan di telah mereka beri :

- “Malas belajar.....”
- “Cikgu kami dulu sangat garang, takutlah.....”
- “Bosan, hari-hari itu saja cikgu ajar kami.....”
- “Cikgu marah sebab saya lambat baca.....”
- “Kawan saya si..... tu juga tidak pandai baca.....”
- “Di rumah tak siapapun yang tanya saya pandai baca atau tidak, peduli apa.....”
- “Dulu cikgu tak ajar kami membaca , kami banyak membuat latihan bertulis,”
- “Susahlah, nak hafal suku kata ni..... cepat lupa.....”
- “Malu nak tanya cikgu, kawan juga tak mahu ajar.....”

Untuk mendapat pemahaman secara lebih mendalam terhadap masalah membaca murid-murid, saya telah jalankan satu ujian saringan kemahiran membaca untuk semua murid T. 4 dengan memberi fokus kepada :

- i. menyebut huruf abjad mengikut urutan yang betul
- ii. membunyikan huruf vokal a, e, i, o, u
- iii. membunyikan suku kata terbuka dan tertutup
- iv. membaca perkataan mudah (kv + kv, kv + kvk)
- v. membaca frasa kata
- vi. membaca ayat mudah
- vii. membaca perenggan / petikan pendek

Setelah selesai ujian saringan tersebut, saya mendapati hanya 6 orang murid yang berjaya ke tahap membaca perenggan, 10 orang boleh membaca tetapi masih tidak boleh mengeja, 8 orang berjaya melepas tahap membaca perkataan mudah, manakala 4 orang lagi terus kandas di tahap membunyikan suku kata. Memandangkan ini adalah masalah besar yang akan dibawa ke peringkat pembelajaran yang lebih tinggi, saya mengambil keputusan untuk menyelami masalah tersebut dengan menggunakan pendekatan pembelajaran akses kendiri.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk diri membuat refleksi kendiri tentang keberkesanan pendekatan pembelajaran akses kendiri dari segi membaca suku kata dan perkataan mudah.

Di samping itu juga, penyelidikan ini bertujuan membaik pulih serta menambah baik penggunaan pendekatan pembelajaran akses kendiri.

Ia juga bertujuan untuk membantu 4 orang murid Tahun 4 agar dapat membaca suku kata dan perkataan mudah.

PERANCANGAN TINDAKAN

Pertama sekali saya adakan bicara hati ke hati bersama murid-murid T. 4. Saya menerangkan mengapa kemahiran membaca perlu dikuasai dan bersedia untuk mengubah amalan pembelajaran-pengajaran mengikut kebolehan murid-murid. Saya memperkenalkan pendekatan pembelajaran akses kendiri sebagai satu teknik menguasai kemahiran membaca. Program ini diadakan di dalam bilik darjah iaitu selepas murid-murid menjalankan aktiviti individu dan pada masa lapang sebelah petang. Bagi mencapai objektif kajian, kami sama-sama membuat perjanjian untuk mencapai objektif dalam tempoh masa yang ditetapkan.

PEMBELAJARAN AKSES KENDIRI (PAK)

Pembelajaran akses kendiri adalah satu teknik pembelajaran yang membolehkan murid-murid belajar dalam kadar kebolehan dan masa mereka sendiri dengan menggunakan bahan-bahan pembelajaran yang telah disusun-atur dan disediakan. Murid-murid diberi peluang untuk memilih aktiviti yang mereka minat, membuat pembetulan dan uji kendiri hasil kerja mereka sendiri.

Pada mulanya, saya melantik 6 orang murid yang telah lulus ujian saringan sebagai mentor kepada rakan-rakan yang lain lebih-lebih lagi kepada 4 orang yang belum pandai membaca suku kata. Mereka telah ditugaskan untuk membimbing yang lemah ini membunyikan suku kata dalam satu tempoh masa yang mereka sendiri tetapkan. Kecekapan murid-murid kemudian diuji dan direkod kemajuan dan pencapaiannya.

Dalam melaksanakan PAK, saya telah menyediakan teks bacaan yang diambil daripada Teks Bacaan Bestari dan Buku Aktiviti Baca Bestari. Apabila murid-murid sudah bersedia untuk diuji, mereka akan memberitahu mentor masing-masing untuk menjalankan ujian bacaan. Mereka akan menanda sendiri pencapaian yang diperolehi pada kad rekod kemajuan masing-masing. Pada masa yang sama saya hanya memerhati dan menyemak kad kemajuan murid. Contoh rekod bacaan adalah seperti berikut :

- a) Membunyikan huruf vokal

Ujian Vokal	Tarikh dan Tahap Penguasaan				
	1	2	3	4	5
a					
i					
u					
e					
o					

b) Membunyikan suku kata terbuka

Ujian Suku Kata	Tarikh dan Tahap Penguasaan				
	1	2	3	4	5
ba					
di					
cu					
pe					
lo					
ki					
hu					
nyi					

Dapatan Kajian

Sepanjang masa PAK dilaksanakan, saya dapat respons murid amat positif terhadap kaedah ini. Mereka menunjukkan perubahan sikap ingin belajar dan tidak takut lagi apabila diminta untuk membaca di depan kelas. Keyakinan diri meningkat sama ada pada murid yang sederhana atau yang lambat. Walaupun tercari-cari secara menghafal bunyi suku kata, kesungguhan ingin belajar jelas ternampak jua. Prestasi yang ditunjukkan oleh 4 orang murid yang lambat juga menampakkan sedikit hasil kerana sekurang-kurangnya mereka boleh membaca suku kata dan perkataan mudah (kv + kv) walaupun secara membatang suku kata. Di samping itu, terdapat peningkatan prestasi dalam ujian bersiri yang telah dijalankan. Analisis keputusan ujian adalah seperti pada Jadual 1 dan 2.

Jadual 1 : Keputusan Ujian Bersiri (Pemahaman) pada bulan Februari

	Gred				
	A	B	C	D	E
Bilangan Murid	0	1	11	12	4

Jadual 2 : Keputusan Ujian Bersiri (Pemahaman) pada bulan September

	Gred				
	A	B	C	D	E
Bilangan Murid	0	8	9	8	3

REFLEKSI

Berdasarkan pemerhatian dan dapatan kajian, saya mendapati amalan p&p saya selama ini yang terlalu mementingkan sukatan pelajaran tidak mendatangkan kesan positif terhadap anak murid saya. Kepelbagaiannya kaedah p&p boleh memotivasi murid untuk belajar walaupun selangkah demi selangkah. Ini boleh diumpamakan hari-hari makan ayam tetapi lain-lain resipinya! Kita juga selalunya lupa bahawa murid-murid berbeza tahap kebolehannya dan yang lambat selalu diabaikan tanpa memikirkan mereka ini memerlukan perhatian khusus. Kita juga berasa terlalu berat mulut untuk memuji murid yang lemah apabila mereka berjaya menyiapkan satu tugas yang diberi. Kejayaan mereka nampak kecil berbanding dengan murid kumpulan cergas. Pengukuhannya harus diberi untuk menjamin dan mengekalkan sikap positif murid yang lemah terhadap pengajaran dan pembelajaran di kemudian hari.

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

BAHAN-BAHAN LAIN

1. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Baca Bestari Tahun 1, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Sabah
3. Teacher's Guide Self-Access Learning For English Language in Malaysian Primary School, Pusat Perkembangan Kurikulum
4. Pembelajaran Akses Kendiri, Pusat Perkembangan Kurikulum